

**PERUTUSAN Y.BHG. DATO' PENGURUS BESAR
MAJLIS PERHIMPUNAN TAHUN BARU PMINT 2012, PADA 8 JANUARI 2012**

Bismillahirrahmanirrahim,

Terima kasih saudara pengacara majlis,

Yang Berusaha Tuan Haji M. Harith bin Hassan, Timbalan Pengurus Besar
Perancangan & Pembangunan

Yang Berusaha Tuan Haji A. Aziz bin Che Talib, Timbalan Pengurus Besar
Hal Ehwal Korporat

Pengurus-pengurus Kanan dan Pengurus-Pengurus Bahagian,

Pegawai-pegawai dan warga PMINT yang dikasihi sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia.

Memulakan perutusan tahun baru pada pagi yang sejahtera ini marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana atas limpah rahmatnya kita masih berada di bumi ini meneruskan ibadah dan menggalas tanggungjawab yang diamanahkan.

Tanpa kita sedari dan begitu cepat sekali waktu berputar dan kita telah melangkah ke tahun baru 2012. Begitu banyak pengalaman dan kenangan

suka duka yang telah kita tempuhi. Jadi dikesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat tahun baru 2012 bersamaan 1433 hijrah. Semoga permulaan tahun baru ini dimulai dengan tekad dan azam baru yang jitu. Jika boleh, kita mahu setiap hari kita ada azam baru, jangan hanya tunggu tibanya tahun baru untuk kita memasang azam. Kita mesti sentiasa berazam untuk memastikan hari ini lebih baik daripada hari sebelumnya, selepasnya dan di masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan warga PMINT sekalian,

Pada tahun 2011, organisasi kita telah melalui keadaan yang mencabar. Walaupun kita tidak menerima kesan langsung daripada kemerosotan ekonomi dunia barat, namun kita seharusnya bersyukur kerana organisasi kita masih berada pada tahap yang masih boleh dibanggakan.

Dalam apa jua situasi yang dihadapi, PMINT terus teguh berusaha demi memenuhi obligasi sosial terhadap rakyat Terengganu sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri. Kita tetap utuh merencanakan satu demi satu projek pembangunan supaya teras yang diletakkan oleh stakeholder dicapai dan mandat yang diberikan oleh kerajaan negeri dapat kita laksanakan serta rakyat dapat menikmati hasilnya.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Pentadbiran Negeri yang dipimpin oleh YAB Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, Menteri Besar telah merangka

pelbagai program demi menjayakan agenda Kerajaan Negeri Merakyatkan Pentadbiran & Pembangunan.

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, trend kenaikan harga tanah di Negeri Terengganu ini semakin menjadi-jadi. Sebagaimana yang dimaklumkan oleh YAB Menteri Besar pada Majlis Makan Malam baru-baru ini, beliau meminta PMINT memberi tumpuan lebih di dalam bidang yang diceburi sekarang iaitu bidang pembangunan hartanah. Kita juga digalakkan melaksana projek sendiri tanpa terlalu bergantung kepada projek Kerajaan Negeri atau sumber peruntukan Kerajaan Negeri.

Sebagai contohnya, kita diminta membuat pengambilan balik tanah di kawasan Bandar untuk dimajukan. Tetapi dengan kemampuan kewangan yang kita ada sekarang, ditambah pula dengan harga tanah yang sentiasa melambung ini, adakah kita mampu berbuat demikian?

Mahu tak mahu itu telah menjadi salah satu mandat yang harus kita laksanakan. Jadi, kita perlu membuat perancangan jangka masa panjang yang teliti dengan mengambil kira semua risiko yang bakal kita hadapi untuk membolehkan kita terus survival di masa akan datang.

Kita perlu mempunyai perancangan pembangunan jangka panjang dalam pembangunan hartanah dengan mengambil kira pengurusan risiko serta analisa kajian yang menyeluruh untuk membolehkan kita memaksimakan keuntungan dari setiap pelaburan. Kita juga perlu memperkemarkan dan menetapkan KPI ke atas setiap pembangunan projek.

PELAN PERANCANGAN STRATEGIK PMINT (2012-2016)

Tuan-tuan dan puan-puan warga PMINT sekalian,

Dalam menangani persekitaran luar yang semakin mencabar, usaha akan terus dilaksanakan bagi memperkukuhkan kedudukan kewangan kita. Bagi terus memantapkan perolehan pendapatan PMINT, beberapa kaedah dan perancangan yang strategik akan dirangka untuk tempoh lima tahun bermula tahun ini sehingga 2016.

Justeru itu, saya amat berharap pelan perancangan strategik yang sedang dibangunkan oleh pihak Pengurusan nanti akan dapat memastikan PMINT akan mempunyai hala tuju yang tetap dan terancang untuk mencapai visi dan misi PMINT.

Melihat kepada hasil analisa SWOT mendapati bahawa yang menjadi Critical Success Factor penting kepada PMINT kini ialah untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi dan melengkapkan warga kerja kita dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi serta berdaya saing.

Dalam isu berkaitan latihan kakitangan, Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia telah mengadakan Kajian Keperluan Latihan (TNA) untuk mengenalpasti semua keperluan latihan dan bukan latihan setiap warga kerja. Pada tahun 2012 ini, saya menyeru supaya tuan-tuan dan puan-puan sekalian mengikuti kesemua program latihan yang telah dirancang

berdasarkan hasil kajian TNA yang akan dibenteng kepada kita nanti.

Oleh yang demikian, antara ucapan saya pada Majlis Makan Malam baru-baru ini, saya ada menyatakan beberapa hasrat untuk semua warga PMINT hayati dan ambil perhatian iaitu :-

1. Dapat Meningkatkan Ilmu Pengetahuan Dan Kemahiran
2. Berani Berubah
3. Kerja Satu Pasukan
4. Meningkatkan Produktiviti
5. Sanggup Menghadapi Cabaran Di Masa Akan Datang

Rasanya tidak perlu saya mengulas kembali hasrat yang saya nyatakan itu. Jika kita semua dapat merealisasikan hasrat saya itu, saya pasti, suatu hari nanti PMINT akan berjaya kekal cemerlang dan akan dipandang tinggi oleh Kerajaan Negeri.

Jika pada tahun lepas kita berjaya meraih beberapa kejayaan seperti memperolehi empat bintang di dalam Pengauditan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan, mengekalkan Pensijilan MS ISO 9001:2008 dan Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S.

Jadi pada tahun ini, saya amat berharap ianya tidak terhenti di situ sahaja, malah hendaklah terus berkembang lagi dengan program-program penambahbaikan berterusan seperti program benchmarking dan pembentukan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK). Melalui program ini juga

kita dapat mengangkat kembali imej PMINT setanding dengan Jabatan dan badan korporat yang lain.

Justeru itu, saya merasakan inilah masanya kita membuat perubahan dan tampil lebih berani untuk melonjakkan nama dan imej PMINT di persada yang lebih tinggi. Kita perlu berusaha untuk memenangi anugerah-anugerah yang dipertandingkan di peringkat Negeri, Kebangsaan, swasta dan sebagainya yang pernah dimenangi oleh Johor Corp atau PKNS.

Tuan-tuan, puan-puan warga kerja PMINT sekalian,

Kita juga harus sentiasa ingat akan tanggungjawab dan peranan kita dalam melaksana tanggungjawab sosial kepada rakyat Negeri. Walau di mana sekalipun kita berada, kita sentiasa perlu bersedia disapa dengan pelbagai pertanyaan serta diundang dengan pelbagai kritikan dan sebagainya. Ini adalah kerana ketelusan menjadi perkara yang paling penting dan sentiasa diambil perhatian oleh semua pihak samada peringkat pimpinan kerajaan apatah lagi rakyat yang merupakan pelanggan kita.

Namun dalam konteks PMINT, kelangsungan dalam sektor pembangunan hartanah meletakkan PMINT antara organisasi yang menjadi pilihan dan mendapat kepercayaan orang ramai khususnya melibatkan Pengurusan Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) di Negeri Terengganu. Oleh itu perlulah kita meningkatkan kefahaman dan sentiasa mengemaskini diri kita dengan maklumat-maklumat atau data yang diperlukan oleh pelanggan kita.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa kita hendaklah sentiasa bersikap yang dikatakan oleh orang tua-tua iaitu "ikut resmi padi semakin tunduk semakin berisi". Ianya bermaksud semakin meningkat usia kita, ilmu yang ada juga haruslah meningkat dan bertambah, dan pada masa yang sama kita menjadi semakin bijaksana dalam tingkahlaku, etika dan pergaulan. Bagi yang telah lama berkhidmat di sini hendaklah berkongsi pengalaman dan ilmu yang ada.

Meskipun kita mempunyai sistem yang terkini, prosedur yang lengkap, prasarana yang serba canggih dan pengurusan yang mantap tanpa ilmu pengetahuan tidak mungkin kita sampai ke tahap ini sekarang. Di sini kita faham bahawa kepentingan menguasai ilmu pengetahuan adalah amat penting untuk menjamin kecekapan sistem pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi.

Tuan-tuan, puan-puan warga kerja PMINT sekalian,

SKIM SARAAN BARU PENJAWAT AWAM (SBPA)

Saya rasa kita semua telah jelas dengan Skim SBPA yang telahpun kita tandatangan pada akhir Disember 2011 baru-baru ini. Cuma apa yang saya boleh perkatakan tentang SBPA ini adalah ianya merupakan sistem yang telahpun digubal sebaik-baiknya oleh pihak JPA dengan mengambil kira pelbagai aspek terutamanya yang menekankan kepada prestasi setiap

penjawat awam.

Pada pendapat saya, walau apa jua pindaan yang dipersetujui, ianya tetap bertujuan supaya semua penjawat awam terutamanya yang berprestasi rendah sedar bahawa kerajaan tidak lagi akan mengambil dasar berdiam diri membela penjawat awam yang tidak lagi perform dalam kerja.

Bila bercakap tentang prestasi pula, adalah menjadi tanggungjawab setiap pegawai yang menilai untuk membuat penilaian dengan sejujur-jujurnya tanpa mencampur aduk kepentingan peribadi dan emosi semasa menilai. Buatlah penilaian yang sewajarnya.

Saya percaya Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia dan Bahagian Kewangan telah mengambil tindakan yang berkaitan iaitu melibatkan perubahan berkaitan seperti Tangga Pergerakan Gaji, Kenaikan Gaji Tahunan dan Jadual Gaji Sebaris sebagaimana yang dinyatakan di dalam Skim SBPA. Saya dimaklumkan juga oleh Pengurus Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia bahawa akan mengadakan taklimat dari semasa ke semasa bagi memperjelaskan tentang Skim SBPA ini.

Tuan-tuan, puan-puan warga kerja PMINT sekalian,

Sebagai akhir kata, bermula hari ini dan seterusnya saya mahukan nilai-nilai kerja yang bermutu tinggi, cepat bertindak, kesungguhan, proaktif, dan komitmen jitu sebagai satu pasukan terus disemai, tumbuh, dan berkembang dalam perkhidmatan di PMINT ini.

Mudah-mudahan pada tahun 2012 ini dan tahun seterusnya menjanjikan kejayaan yang cemerlang buat PMINT dan kita semua yang mencari rezeki dan menabur bakti di sini.

Sekian, selamat tahun baru dan selamat maju jaya kepada semua.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.